

Pelan Induk Wakaf Nasional dirangka

Selaras usaha pelbagaikan sumber kewangan tingkat ekuiti Bumiputera

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan sedang menyediakan Pelan Induk Wakaf Nasional, iaitu sebuah pelan holistik untuk memperkasakan pengurusan wakaf di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pelan itu selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan wakaf sebagai sebahagian daripada kerangka Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"Fokus Kelima dan Keenam RMK-12 menggariskan peranan kritikal yang perlu dimainkan oleh institusi wakaf dalam mem-

bantu Keluarga Malaysia keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Ia selaras dengan usaha untuk mempelbagaikan sumber kewangan bagi membiayai perniagaan dan meningkatkan ekuiti Bumiputera," katanya berucap menyempurnakan Pelancaran Wakaf FELDA, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Idris Ahmad; Pengerusi FELDA, Datuk Seri Idris Jusoh dan Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Datuk Dr Mohd Daud Bakar.

Ismail Sabri berkata, kerajaan akan terus mengangkat wakaf sebagai agenda nasional kerana keupayaan konsep itu yang mampu melonjakkan ekonomi masyarakat dan negara.

Malah katanya, menerusi Bajet 2022, kerajaan memperuntukkan dana permulaan RM10 juta bagi memulakan inisiatif Wakaf Halal Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Wakaf Pertanian dan Wakaf Bencana.

"Jelas anjuran infak ini mem-

bawa kepada terhasilnya konsep wakaf yang patut menjadi amanah kita," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata Wakaf FELDA akan disenaraikan dalam inisiatif dana wakaf yang diperuntukkan kerajaan menerusi Bajet 2022.

Katanya, Waqaf FELDA yang diwujudkan bagi menyokong pembentukan model perniagaan baharu agensi itu, disasarkan menguruskan aset sehingga RM500 juta menjelang 2030 yang boleh dicapai dengan tadbir urus jitu oleh FELDA.

Ismail Sabri berkata, FELDA akan menyalurkan dana sebanyak RM10 juta kepada Waqaf FELDA bagi menjalankan model perniagaan itu.

"Selain menyokong pembentukan model perniagaan baharu, Waqaf FELDA juga akan menyemai benih keberkatan, menyuburkan kebajikan dan sumbangan kepada komuniti serta mengukuhkan kelestarian FELDA.

"Ini bagi memangkin ekonomi luar bandar melalui mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan yang biasanya tidak di-



Ismail Sabri diiringi Idris Ahmad (kiri) dan Idris Jusoh pada majlis pelancaran Waqaf FELDA di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

tembusi syarikat korporat lain, dengan objektif lebih terarah kepada memaksimumkan keuntungan," katanya.

Perdana Menteri berkata, Waqaf FELDA akan melabur semula sebahagian keuntungan pelaburan awal yang disumbangkan oleh FELDA dan agensi seperti FGV Holdings Berhad, Operasi Permodalan FELDA dan MSM Holdings Berhad dan beberapa agensi berkaitan dengannya.

Katanya, ini bagi membolehkan Waqaf FELDA dapat bergerak dengan lebih mampan, sekali semasa mampu memberi manfaat ke-

pada lebih ramai warga Keluarga Malaysia yang memerlukan.

Ismail Sabri berkata, sebanyak 30 peratus keuntungan yang diperolehi Waqaf FELDA akan digahikan kepada kebajikan, manakala lima peratus disalurkan kepada MAIWP dan selebihnya dilabur semula.

Melalui inisiatif itu, Perdana Menteri berkata, pihaknya meletakkan harapan untuk FELDA mengambil peluang terbabit bagi mempelopori Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) atau juga masyarakat 5.0 dan seterusnya mengangkat FELDA sebagai peneraju ekonomi luar bandar.

Media: Berita Harian

Date: 13 November 2021